

35

NO. SOALAN : 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
JOSEPH PAIRIN KITINGAN
[KENINGAU]

TARIKH JAWAPAN : 27 NOVEMBER 2017

SOALAN

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan setakat manakah pencapaian kejayaan dalam tujuan Program Kehidupan Hijau ini memandangkan Kerajaan menggalakan rakyat Malaysia menyertai program kehidupan hijau tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Penubuhan Yayasan Hijau Malaysia (YaHijau) pada 2 Mac 2014 bertujuan untuk memberi pendidikan, kesedaran dan menggalakkan penyertaan orang ramai khususnya masyarakat di peringkat akar umbi dan badan korporat mengenai aplikasi teknologi hijau dan pembudayaan amalan hidup hijau. YaHijau turut berperanan mempromosi serta meningkatkan kefahaman, pendedahan dan penghargaan serta minat dalam memperkasakan gaya hidup hijau di kalangan masyarakat akar umbi termasuk pelajar-pelajar universiti dan sekolah. Melalui YaHijau, hasrat Kerajaan untuk menterjemahkan perubahan minda dan kepentingan amalan gaya hidup hijau di kalangan seluruh anggota masyarakat dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.
2. Teras Strategik Kelima Dasar Teknologi Hijau Negara memberi tumpuan kepada peningkatan pendidikan dan kesedaran awam serta menggalakkan penggunaan meluas aplikasi teknologi hijau. Promosi yang efektif dan penyebaran maklumat melalui program-program yang komprehensif merupakan faktor utama yang

berupaya mempengaruhi perubahan dan anjakan pemikiran masyarakat.

3. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dan agensi-agensinya seperti YaHijau, Suruhanjaya Tenaga, Pihak Berkuasa Tenaga Lestari (SEDA) dan GreenTech Malaysia sedang dan telah melaksanakan pelbagai bentuk aktiviti promosi dan publisiti tentang aplikasi dan amalan gaya hidup hijau seperti penjimatan dan kecekapan tenaga dan air, aplikasi Tenaga Boleh Baharu serta kepentingan produk dan perkhidmatan hijau. Antara mekanisma promosi dan publisiti adalah seperti berikut:

- (i) promosi melalui acara (*events*) seperti pameran dan karnival, taklimat dan bengkel khusus, Pertandingan Rekacipta berdasarkan Teknologi Hijau, *Roadshow* Teknologi Hijau, Karnival Hijau serta penglibatan aktif dalam program-program yang dianjurkan oleh agensi Kerajaan/swasta lain;

Program-program ini dapat meningkatkan tahap kemahiran dan pemahaman masyarakat dalam membentuk minda yang positif terhadap teknologi hijau/amalan hijau melalui pembelajaran berkonsepkan interaktif dan "*hands-on*";

- (ii) komponen promosi melalui media seperti televisyen, radio, media sosial dan media cetak. Medium ini merupakan saluran

maklumat yang pantas dan mampu menarik perhatian semua lapisan masyarakat di era teknologi kini; dan

- (iii) komponen pangkalan data seperti sukarelawan hijau dan portal.

Tuan Yang Dipertua,

4. Bagi memupuk kesedaran dan membudayakan amalan hijau dalam kalangan generasi muda, YaHijau telah bekerjasama dengan *Centre for Education and Training in Renewable Energy and Energy Efficiency & Green Technology (CETREE)* dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mempromosi teknologi hijau kepada golongan pelajar-pelajar sekolah menengah melalui 'Projek Pembangunan Ilmu, Implementasi dan Aktiviti Kesedaran Teknologi Hijau Sekolah Menengah Merentasi Kurikulum dan Kokurikulum bagi Pemantapan Pendidikan Lestari'. Terdapat beberapa aktiviti yang menjadi keutamaan projek ini iaitu pembangunan Modul Teknologi Hijau bagi 5 mata pelajaran iaitu Sains, Kimia, Biologi, Fizik dan Asas Kelestarian, penyebaran ilmu teknologi hijau melalui bengkel '*Training of Trainers*' (TOT) kepada guru-guru sekolah menengah serta penganjuran Karnival Inovasi Teknologi Hijau.

5. Sebanyak 10 buah Modul Teknologi Hijau telah berjaya dibangunkan dengan kerjasama guru-guru pakar dan pegawai di Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk digunakan dalam Bengkel TOT dan dijadikan sebagai bahan rujukan dan latihan bagi penyebaran ilmu teknologi hijau. Melalui Bengkel '*Training of Trainers*' (TOT), seramai 2,500 orang guru sekolah menengah di seluruh Malaysia bakal menerima latihan bagi melaksanakan penyebaran ilmu teknologi hijau dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bagi 5 mata pelajaran iaitu Sains, Kimia, Biologi, Fizik dan Asas Kelestarian.

6. Karnival Inovasi Teknologi Hijau merupakan program tahunan yang telah dilaksanakan sejak tahun 2016 dan akan berlangsung selama 4 tahun sehingga tahun 2019. Penganjuran karnival ini telah berjaya mencungkil bakat, kreativiti dan idea luar kotak pelajar-pelajar daripada aspek teknologi hijau. Bagi Karnival Inovasi Teknologi Hijau Peringkat Negeri seramai 2,298 orang guru dan pelajar telah terlibat pada tahun 2016 dan seramai 3,607 orang guru dan pelajar terlibat pada tahun 2017. Manakala, penglibatan guru dan pelajar yang mewakili negeri bagi Karnival Inovasi Teknologi Hijau Peringkat Kebangsaan adalah seramai 417 orang pada tahun 2016 dan seramai 428 orang pada tahun 2017.

7. YaHijau bersama-sama CETREE juga sedang dan telah menjalankan Program Pengauditan Hijau di sekolah-sekolah bagi mewujudkan kesedaran mengenai aktiviti hijau dalam kalangan warga sekolah dan mewujudkan penanda aras bagi Program Pengauditan Hijau untuk sekolah rendah dan menengah terpilih di seluruh Malaysia. Antara penilaian yang ditekankan adalah seperti penggunaan tenaga dengan cekap, pengurangan hasil buangan sisa pepejal, aktiviti kitar semula, penghasilan kompos, penjimatan air, penggunaan bahan mesra alam, pembelian barangan hijau dan pengurusan pengangkutan. Seramai 853 guru dari 481 buah sekolah di peringkat rendah dan menengah telah terlibat dalam program ini sejak Ogos 2016. Sejak penubuhan YaHijau, seramai 32,000 orang daripada pelbagai institusi pendidikan, belia, kanak-kanak dan masyarakat umum telah terlibat dengan aktiviti-aktiviti anjuran YaHijau seperti Karnival dan Program-Program Jelajah Negeri-negeri.

Sekian, terima kasih

.....